

Terenang makin dilupakan

Mohamad pertahan, komersial seni kraftangan tanah liat itu



Zainal menunjukkan Terenang berusia lebih 100 tahun yang disimpan mereka.



Mohamad menunjukkan kaedah penghasilan Terenang menggunakan tangan.

Terenang berusia lebih 100 tahun yang dibuat secara tradisional dengan corak diukur dengan penut betil.

Setiap corak diukur pada Terenang memiliki maksud dan namanya yang tersendiri.

Jika ditanpa generasi muda, pasti ramai tidak dapat mereka apakah itu Terenang. Ramai yang tidak tahu, sehinggakan ada yang menyangka Terenang adalah nama sebuah tempat.

Hakikatnya, Terenang atau turut dikenali sebagai Tembilak Tembeling adalah sejenis kraftangan tanah liat yang dijadikan bekas meletak dan menyimpan air penduduk zaman dahulu.

Terenang bagi daerah ini dikatakan berasal dari Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling yang terletak kira-kira satu jari jarak perjalanan mempu ke bandar Jerantut di mana tradis pembuatannya kini semakin dilupakan generasi baharu.

Namun bagi Mohamad Zakaria, 48, kesungguhannya mempelajari seni pembuatan Terenang dari "orang lama" Kampung Pasir Durian membolehkan krafngan itu dipertontonkan sehingga kini.

Bermula dengan mengusahakan hasil krafngan itu yang diperlajurinya sejak berusia 18 tahun di Kampung Pasir Durian, Mohamad kemudian mengambil keputusan berpindah ke Kampung Temin dan mengusahakannya bersama seorang lagi pengusaha kraftangan tanah liat, Zanal Idris, 51, di bawah syarikat Temin Kraf Enterprise.

Katanya, keputusannya berpindah ke Kampung Temin berkaitan seni pembuatan Terenang dan kraftangan tanah liat semakin kurang mendapat sambutan sejak jalan utama pelancongan ke Taman Negara Kuala Tahau dibuka mengantik Jed Kuala Tembeling yang suatu ketika dahulu merupakan pintu masuk utama ke pusat pelancongan terkenama dunia.

Malah katanya, sedar corak yang diukur menggunting ahli diperbut dari batu dan kuarsa selain bahan terbahru seperti pemutu berkaitannya akan diadakan sekitar Ogos bagi bertanggungjawab mengajak sejajar warisan negeri Pahang.

bekas ubat gigi dan pensel yang mempunyai nama dan maksud tersendiri.

"Jika orang terlalu lama, mereka tahu tentang cerita sebalik corak-corak Terenang ini. Saya tak tahu sangat maksudnya, tapi sedikit sebanyak saya tahu nama corak-corak yang diukur pada Terenang ini. Antara nama-nama corak ukiran yang saya tahu ialah ukiran kelopak, ukiran tapak pelanduk, sambar atau semulu, tapak itik, dan tampok manggis," katanya.

"Kalau orang duu, pembuatannya lebih lemah. Mereka juga ada pantang larang termasuklah ketika hendak mengambil tanah liat bagi dijadikan tembilak."

"Dulu dijadikan adat-hari-hari tertentu sahaja untuk mengambil tanah liat di sungai selain dibenarkan buang angin ketika mengambil tanah liat kerana bimbang tembilak yang dibakar akan pecah. Namun, sekarang pantang larang itu sudah tidak

diukur," katanya.

Corak telah dimodenkan

Mohamad yang turut mempelajari seni pembuatan tanah liat di Jepun yang dibantu oleh pihak Perbadanan Kerajinan Kraftangan Malaysia telah menggabungkan seni pembuatan Terenang tradisional dengan moden.

"Saya mempelajari cara pembuatan Terenang dari pelbagai pihak termasuk di Jepun dan sekarang pembuatan Terenang lebih senang dengan adanya acuan. Tambahan pula ada antara corak yang telah dimodenkan. Saya juga hasilkan Terenang kecil untuk dijual sebagai cenderahati dan ia juga mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya.

Di samping memodenkan seni pembuatan Terenang, Mohamad dan rakan kongsi, Zainal, akan terus memastikan



Zainal (tengah) dan Dr Hasnah (dua, kiri) bersama kakitangan UMP dan petugas media melihat Terenang milik Temin Kraf Enterprise.

seni asal pembuatan Terenang terus terpelihara.

Simpan Terenang usia hampir 100 tahun

Zainal dalam pada itu turut menyimpan sebuah Terenang berusia anggaran sekurang-kurangnya 100 tahun sebagai rujukan dan pameraan buat pengunjung yang datang ke lengkapnya.

Katanya, Terenang berusia lebih 100 tahun itu diperoleh dari orang terdahulu yang membuat Terenang di Kampung Pasir Durian dan usianya diukur berdasarkan topokan ilian yang terdapat dalam krafngan itu selain pembuatannya yang lebih halus dan tahan lama.

"Menurut cerita yang saya dapat, dalam perubatan tradisional dulu, Terenang digunakan untuk lihar sama ada orang terbaik hidap penyakit berbahaya atau tak. Dikatakan juga Terenang digunakan untuk berburu iut pecah, kemungkinan nyawa pesakit tak panjang. Tapi, ia cumalah cerita yang saya dengar, tak dapat dipastikan kesahihannya," katanya.

Menurutnya, begitujuh kini sering menerima kunjungan pelajar sekolah di daerah ini yang terutamanya mempelajari seni pembuatan tanah liat.

"Kami pernah menerima kunjungan pelancong luar negara yang terutamanya mempelajari pembuatan tembilak ini. Lebih seronok apabila kami turut menerima tempahan dari Yang Mulia Tengku Puan Pakong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang menempah Terenang untuk dijadikan cenderahati," katanya.

Zainal dalam pada itu melahirkan perasaan sedih apabila seni pembuatan Terenang masih tidak dapat menarik minat bukan sahaja penduduk setempat, malah generasi baharu.

Malah katanya, ia tidak lagi diwarsihi sehingga kini Temin Kraf Enterprise masih satu-satunya syarikat kraftangan tanah liat yang menghasilkan Terenang.

Kluster Warisan Pahang kaji sejarah Pahang

Pihak Universiti Malaysia Pahang semalam hadir ke Bengkel Temin Kraf bagi melakukan kajian ke atas kraftangan Terenang.

Pensyarah Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan, Dr Hasnah Hussain berkata, UMP memulakan satu kluster dikenali sebagai Warisan Pahang yang bertanggungjawab mengajak sejajar warisan negeri Pahang.

"Kita sudah ada tujuh kajian berkaitan Warisan Pahang. Terenang adalah salah satu daripada kajian, di mana tujuan seminarnya berkaitannya akan diadakan sekitar Ogos bagi mengangkat kembali seni Terenang ke peringkat antarabangsa," katanya.